


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



SHARIFAH NOR PUTEH DAN ALIZA ALI
Belajar melalui bermain : prinsip utama kurikulum pendidikan awal kanak-kanak
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2013 . 113ms.
ISBN 978-967-61-26405-5

ULASAN

Buku setebal 113 halaman ini telah dihasilkan oleh penulis yang arif dalam dunia pendidikan iaitu Dr. Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali. Dr. Sharifah mempunyai pengalaman luas dalam bidang pembangunan kurikulum. Beliau kini bertugas sebagai pensyarah kanan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis Aliza Ali pula kini bertugas di Universiti Tunku Abdul Rahman sebagai pensyarah pendidikan awal kanak-kanak. Beliau berpengalaman luas dalam bidang latihan guru prasekolah swasta dan pembangunan bahan pendidikan awal kanak-kanak.

Buku ini mempunyai sebelas (11) bab dan dikupas dengan terperinci. Kandungan bab-bab tersebut ialah bermain adalah fitrah kanak-kanak, kepentingan bermain, hubungan bermain dengan perkembangan domain, jenis-jenis permainan, bermain daripada perspektif teori, kurikulum berdasarkan pendekatan bermain, bermain dalam konteks pendidikan, guru sebagai pelaksana pengajaran dan pembelajaran melalui bermain,

ruang pembelajaran, bahan dan alat permainan dan pelaksanaan dan aktiviti cadangan. Belajar melalui bermain adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Melalui teknik ini juga akan mendatangkan keseronokan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran yang hendak disampaikan. Aktiviti bermain akan menggalakkan kanak-kanak menguasai perkembangan dan kemahiran fizikal dan penguasaan bahasa dari segi pertabaharaan dan peraturan tatabahasa.

Pendidikan tadika adalah peringkat pendidikan yang paling awal bagi kanak-kanak, selepas pendidikan yang diperolehi daripada keluarga. Oleh sebab itu, guru tadika haruslah memikirkan strategi-strategi yang boleh menyeronokkan kanak-kanak. Dalam usaha mengajar kanak-kanak itu, guru tidak harus memikirkan pencapaian akademik semata-mata tanpa memikirkan aspek perkembangan yang lain. Kanak-kanak tidak harus dibebankan dengan aktiviti-aktiviti kelas yang terlalu berat kerana ia boleh menghilangkan minat mereka untuk belajar. Salah satu strategi pengajaran yang difikirkan sesuai bagi peringkat kanak-kanak prasekolah ialah belajar melalui bermain.

Sehubungan itu tugas-tugas menyampaikan aktiviti ini memerlukan kepakaran. Aktiviti yang dijalankan perlulah mempunyai perancangan yang teliti. Kaedah belajar sambil bermain menyuburkan lagi perkembangan kanak-kanak (Robinson, 1977). Ini jelas dapat diperlihatkan dalam perkembangan motor di mana dengan adanya keseimbangan dan pergerakan badan dalam satu-satu aktiviti akan membolehkan kanak-kanak itu melahirkan perasaan mereka dengan cara yang paling optima.

Perkembangan fizikal dapat dikuasai melalui aktiviti fizikal di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah dengan menggunakan pelbagai alat permainan yang disediakan dan aktiviti pergerakan lokomotor kreatif. Pendekatan belajar sambil bermain amat sesuai dilakukan dalam aktiviti fizikal. Hal ini kerana ia dapat merangsang minat kanak-kanak dalam melakukan aktiviti fizikal.

Komponen perkembangan fizikal ini membolehkan murid-murid menguasai perkara berikut:-

- i. Menguasai kemahiran motor halus untuk membantu aktiviti dalam pembelajaran

- ii. Membina kemahiran pergerakan asas dan kekuatan fizikal untuk melibatkan diri dalam aktiviti fizikal
- iii. Mengamalkan gaya hidup yang sihat dan selamat
- iv. Membina minda yang sihat dan cerdas

Buku ini memuatkan 27 cadangan aktiviti yang boleh dicuba oleh para guru dan ibu bapa. Aktiviti ini sesuai untuk kanak-kanak berusia di antara 4-6 tahun sama ada secara individu atau pun berkumpulan. Di antara aktiviti menarik yang dicadangkan bermain secara individu ialah Bilang dan Padan, Konsep Sifar dan Bilang dan Tambah. Manakala permainan secara kumpulan adalah seperti Menepuk Tikar, Istana Impian dan Mari ke Pasar.

Buku ini terhasil melalui kajian dan disampaikan dengan cara yang mudah difahami dan penerangan yang jelas. Buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan oleh para pendidikan, pelajar kursus pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah. Maklumat di dalam buku ini sesuai dijadikan panduan kepada pendidik untuk melaksanakan aktiviti belajar melalui permainan. Buku ini turut sesuai dimiliki oleh ibu bapa yang tercari-cari idea untuk membina minda anak-anak melalui permainan.

Pengulas:

Mustafa Daud

Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pemuliharaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



HIZAMNUDDIN AWANG
Berfikir gaya champion
Petaling Jaya : Galeri Ilmu, 2013. 190ms.
ISBN 978-983-097-342-5

ULASAN

Berfikir Gaya Champion adalah hasil karya Hizamnuddin Awang @ Web Sutera yang dilahirkan pada tahun 1968 di Besut, Terengganu. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan pernah menjadi editor bagi subjek matematik dan komputer di sebuah syarikat penerbitan. Beliau kini mengusahakan perniagaan makanan di samping mengisi masa dengan menulis.

Buku setebal 190 halaman ini merupakan sebuah buku yang cukup menarik dan sesuai dibaca oleh golongan remaja mahupun dewasa. Isi kandungan di dalam buku ini ditulis secara bersahaja dan senang untuk difahami oleh para pembaca. Penulis mengajak dan mendorong pembaca untuk bangkit memperbaiki diri, kerjaya dan seterusnya menggandakan rezeki.

Permulaan buku ini membincangkan siapakah juara, adakah juara dilahirkan atau boleh

dididik untuk menjadi juara? Contoh juara umat Islam dan akan terus kekal sebagai juara adalah junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Usaha dan ketabahan baginda haruslah dicontohi dan diikuti bagi membolehkan kita menjadi juara.

Di dalam setiap bab yang diceritakan, penulis turut memuatkan pengalaman dan kisah hidup beliau sendiri seperti di zaman persekolahan, zaman di kampung halaman dan di alam perniagaan. Buku ini lebih menggariskan kepada cara dan strategi bagaimana untuk menjadi seorang juara di samping turut memasukkan elemen contoh keperibadian beberapa tokoh terkenal seperti Datuk Nik Aziz Nik Mat, Datuk Haji Hadi Awang dan banyak lagi.

Umat Islam digalakkan membinakekayaan sebanyak mungkin. Harta yang diperolehi tersebut boleh digunakan untuk memajukan agama, bangsa dan negara melalui sedekah dan zakat. Islam turut mengingatkan umatnya supaya berhati-hati dalam mengurus kekayaan agar kehidupan kita tidak tersasar kerana dipengaruhi oleh limpahan harta tersebut. Penulis mentransformasi angan-angan menjadi kenyataan dan itulah *champion* yang sebenar.

Buku ini dengan cukup berkesan dan secara santai membentangkan formula-formula yang menjadi pegangan beliau dalam mencapai sesuatu kejayaan di dalam apa jua bidang yang diceburinya termasuklah bidang perniagaan. Kaedah menggunakan pengalaman dan sejarah hidup diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling telah menguatkan lagi topik dan hujah-hujah beliau.

Secara keseluruhannya, buku *Berfikir Gaya Champion* merupakan hasil tulisan yang baik dan efektif kerana mempunyai unsur-unsur keislaman dan pedoman kepada para pembaca dalam melakukan apa jua perbuatan.


Pengulas:

Muhammad Azizi Muhamad Rani

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Kehamilan dari prakonsepsi sehingga kelahiran
Batu Caves, Selangor : PTS Professional, 2013.
324ms.
ISBN 978-967-369-198-2

ULASAN

Kandungan buku ini memaparkan persediaan bakal ibu bapa untuk kehamilan sehingga kelahiran bayi. Ia merupakan buku panduan yang sangat baik kepada para ibu bapa yang bakal atau merancang kehamilan dari awal sehingga kelahiran bayi. Pastinya buku ini sebuah buku yang penuh informasi yang dapat mendidik bakal ibu bapa untuk mengetahui dan merancang kehamilan dengan lebih baik.

Buku ini amat berfaedah kepada bakal ibu bapa bagi mendapatkan tip-tip yang mudah, petua dan pantang larang sepanjang kehamilan dan setelah melahirkan seperti penjagaan kesihatan dan pemakanan untuk diamalkan oleh para ibu bapa. Pasangan yang merancang kehamilan perlu menitikberatkan aspek kesihatan suami isteri agar perancangan untuk hamil dapat direalisasikan.

Bagi pasangan yang baru melangsungkan perkahwinan, penulis turut mengetengahkan pelbagai tip dan panduan penjagaan berguna kepada bakal para ibu bapa terutamanya

yang masih belum berpengalaman. Melalui buku ini bakal ibu bapa dapat menambah ilmu dan meningkatkan keyakinan tentang kehamilan dan kelahiran bayi merupakan salah satu keajaiban dari yang Maha Esa.

Bakal ibu disarankan supaya kekal bergaya sepanjang kehamilan dengan pakaian yang sesuai. Misalnya, bakal ibu perlu memilih fesyen dan kasut yang rendah dengan baju yang longgar dan seluar yang khusus untuk ibu mengandung. Ia secara tidak langsung memberikan keyakinan kepada bakal ibu bahawa kehamilan yang dialami tidak menghalang untuk mereka terus bergaya dengan fesyen yang sesuai.

Keistimewaan buku ini terletak kepada inti patinya iaitu diari kehamilan yang boleh dijadikan rujukan dari minggu ke minggu yang sangat berguna kepada bakal para ibu bapa. Para ibu bapa mendapat panduan jelas apa yang bakal terjadi di awal kehamilan supaya bersedia dari segi mental dan fizikal. Penerangan tentang persediaan kepada bakal bapa juga ditekankan sebagai panduan untuk menghadapi isteri yang hamil terutamanya aspek perubahan emosi yang dialami semasa kehamilan dan selepas kelahiran. Pastinya gaya bahasa dan ilustrasi menarik yang ditonjolkan dalam buku ini memudahkan para pembaca untuk mengikuti setiap panduan yang dipaparkan.

Pengulas:

Siti Suhana Adnan

Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MUHAMAD ZUHAILI SAIMAN
Kewangan harian kita halal @ haram?
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2013. 251ms.
ISBN 978-967-86-0427-7

ULASAN

Buku ini membincangkan beberapa aspek muamalat Islam yang menjadi asas dalam pengurusan ekonomi kita. Sistem ekonomi Islam sangat istimewa. Ia diatur sendiri oleh ALLAH SWT yang sememangnya menjaga kebijakan, menolak kemudaratan dan tidak menyekat hak kita untuk memiliki harta. Tetapi, kita mestilah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan syarak. Moga rezeki kita lebih halal, berkat dan hidup bahagia dalam redha-Nya. Antara perkara yang menarik dibincangkan dalam buku 10 bab ini adalah mengenai pengurusan wang dan kewajipan memastikan sumber rezeki, cara pengurusan dan ke mana ia disalurkan menepati piawaian syariat Islam. Antara lain perbelanjaan mestilah bersih daripada riba, tidak terlalu boros atau kedekut, tiada penyelewengan dan menghormati hak orang lain.

Sebagai pengenalan kepada kandungannya, adalah mengenai pengenalan pengurusan kewangan Islam meliputi definisi dan garis panduan asas di sisi syarak berkaitan muamalat yang menjadi asas dalam pengurusan ekonomi. Seterusnya adalah

berkenaan harta, yang mana dari perspektif Islam, tidak pernah melarang umatnya mencari harta atau kekayaan selagi tidak melampaui batasan yang ditetapkan. Intipatinya adalah menyatakan harta hendaklah diuruskan dan dilakukan dengan baik kerana pengurusan yang salah akan mengakibatkan berlakunya perbalahan dan perpecahan dalam masyarakat Islam khususnya.

Keistimewaan sistem ekonomi Islam di era moden adalah sangat penting kerana sistem ekonomi menjadi asas kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah negara bukan semata-mata mencari keuntungan dan kekayaan sahaja bahkan ia berbentuk fleksibel dan sesuai diperaktikkan sepanjang zaman.

Aspek akad dan kontrak di dalam buku ini yang bermaksud janji dan perjanjian atau sinonim dengan istilah kontrak merupakan salah satu elemen dalam urusan jual beli dalam Islam. Garis panduan dalam berakad atau mengikat kontrak juga digariskan di dalam buku ini, justeru boleh menjadi rujukan agar kontrak yang dimeterai berjalan di atas landasan syarak yang sah. Penulis membincangkan mengenai kewajipan mencari pekerjaan. Ini kerana bekerja mencari rezeki adalah satu keperluan untuk memenuhi kehidupan. Antara isu lain berkenaan kewajipan mencari pekerjaan adalah berkenaan kesilapan memahami konsep mencari rezeki. Kesilapan-kesilapan utama umat Islam dalam mencari rezeki dan kepentingan mencari rezeki yang halal serta kesan buruk menjalankan pekerjaan yang haram sebagai punca rezeki.

Islam sangat menggalakkan aktiviti perniagaan dan banyak ayat dan hadis yang menggalakkan dan menyokong aktiviti perniagaan. Sungguhpun aktiviti perniagaan dianjurkan dan digalakkan dalam Islam, ia tidak bermakna manusia bebas menentukan tatacara perniagaan tanpa ada prasyarat yang mesti dituruti. Bagi menjamin kehidupan manusia terpelihara, Islam telah mengharamkan beberapa perkara dalam aktiviti perniagaan iaitu riba. Buku ini menerangkan tentang definisi dan dalil pengharaman riba serta perkara yang berkaitan dengannya termasuk perbezaan riba dan keuntungan, pembahagian riba, cara bermuamalah dengan barang berunsur riba dan jenis barang dan *llat* riba.

Jual beli telah disyariatkan dalam Islam berdasarkan al-Quran, sunnah, ijma' dan dalil

aqli. Allah SWT membolehkan jual-beli agar manusia dapat memenuhi keperluannya selama hidup di dunia ini. Namun dalam melakukan jual-beli, tentunya ada ketentuan-ketentuan ataupun syarat-syarat yang harus dipatuhi dan tidak boleh dilanggar.

Seterusnya buku ini membincangkan mengenai aplikasi hukum ke atas kontrak kontemporari yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan. Di antaranya ialah kad kredit, insurans, wang simpanan, faedah bank dan caj perkhidmatan. Topik ini dibincangkan memandangkan kontrak ini sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan dan adalah satu tanggungjawab untuk pembaca mengetahui disiplin dan garis panduan yang betul agar harta yang diperolehi bersih dan suci.

Pengurusan kewangan yang terbaik secara tidak langsung dapat membantu pembaca memperolehi keredhaan Ilahi. Oleh itu amatlah penting pembaca memahami konsep, disiplin dan protokol dalam mengurus wang menurut syarak.

Pengulas:

Zalina Abdul Rahim

Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



FARIDAH IDRIS
Membesarkan anak hebat dengan susu ibu
Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2013. 396 ms
ISBN 978-967-411-067-3

ULASAN

Membesarkan Anak Hebat dengan Susu Ibu adalah sebuah buku dan manual lengkap penyusuan yang patut dimiliki oleh semua ibu bapa dan bakal ibu bapa. Buku ini dihasilkan melalui kajian-kajian ilmiah, pendapat-pendapat pakar dan digabungkan dengan pelbagai pengalaman penyusuan daripada ibu-ibu menyusu agar dapat memberi ilmu, panduan dan langkah-langkah proaktif untuk semua ibu bapa dan bakal ibu bapa untuk memilih penyusuan bagi makanan standard untuk bayi.

Buku ini mempunyai 28 bab dan dibahagikan kepada tiga bahagian. Perbincangan dimulai dengan Asas Penyusuan, Penyusuan Susu Ibu (PSI) dan Ibu Berkerjaya, dan Cabaran Penyusuan dan Penyelesaiannya.

Buku ini membincangkan mengenai bayi, anatomi payudara, termasuk fisiologi penyusuan susu ibu dari segi bagaimana susu dihasilkan, refleks ejeksi susu, PSI, teori permintaan versus bekalan dan lekapan dan posisi yang sesuai dan betul semasa

penyusuan. Selain itu, buku ini turut menghuraikan jenis dan kesan positif sentuhan ibu terhadap bayi, persediaan sebelum bersalin antaranya membeli keperluan, penyusuan pertama, penyusuan kerap, berapa lama perlu menyusukan anak, perkembangan hisapan bayi, jenis hisapan bayi, corak penyusuan normal, carta tumbesaran, bayi susu ibu vs bayi susu tiruan dan bapa juga mampu 'menyusukan' anak.

Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk bayi tanpa memerlukan sebarang modal. Susu ibu bukan sahaja penting untuk perkembangan fizikal bayi, malah untuk emosi dan rohani bayi. Penyusuan susu ibu merupakan simbol kasih sayang kepada anak dan membuatkan bayi merasa selamat dan membina ikatan antara ibu dan anak. Interaksi antara ibu dan anak semasa penyusuan akan melahirkan emosi dan psikologi yang seimbang bagi ibu dan anak. Dua tahun pertama selepas kelahiran merupakan tempoh kritikal bagi perkembangan otak bayi. Susu ibu sangat diperlukan dalam tempoh ini kerana susu ibu mengandungi asid lemak dan laktosa bagi perkembangan otak bayi.

Buku ini turut memberi panduan kepada pembaca untuk melalui fasa berpantang dengan tenang, masa rehat dan belajar, panduan membeli pam susu, kaedah dan tip memerah dan menyimpan susu serta cara bagaimana menguruskan susu perahan. Cara mengurus penyusuan ibu dengan betul termasuk jadual, tempat dan cara simpanan di pejabat apabila kembali bekerja turut dihuraikan dengan terperinci. Cara berurusan dengan penjaga anak turut ditekankan, ini kerana komunikasi ibu bapa dengan penjaga bayi amat penting bagi memastikan keperluan bayi sentiasa diutamakan dan bayi tidak terabai. Buku ini turut memberi panduan bagaimana menangani dan mengatasi tekanan dan pemakanan yang seimbang agar tidak mempengaruhi penyusuan.

Ibu-ibu juga disyorkankan supaya terus memberikan susu ibu walaupun berada di tempat awam. Ini kerana keinginan si kecil tidak mengira masa dan tempat, cuma ibu dinasihatkan supaya mencari tempat yang terlindung bagi menjaga kesopanan. Bagi memudahkan ibu-ibu menyusukan anak di tempat awam, pelbagai pembaharuan dicipta seperti baju untuk penyusuan, kain penutup semasa menyusu dan topi penyusuan.

Cabarannya penyusuan dan penyelesaiannya turut diperincikan di dalam buku ini.

Buku ini amat mudah difahami oleh pembaca kerana penulis menerangkan dengan jelas setiap perkara yang dibincangkan. Setiap bahagian dan bab yang dibincangkan dalam buku ini saling berkaitan dan memudahkan pembaca memahami isi kandungan yang disampaikan oleh buku ini. Setiap perkara yang diutarakan oleh penulis juga turut dijelaskan dari sudut pandangan hadis dan pakar. Tip-tip yang berguna dan sesuai berkaitan penyusuan juga diselitkan di dalam buku ini. Selain itu, pelbagai sumber rujukan turut disertakan bagi menguatkan lagi isi perbincangannya.

Buku setebal 396 halaman ini sangat sesuai dibaca oleh ibu bapa dan bakal ibu bapa kerana penulis menyediakan informasi dan maklumat yang lengkap mengenai penyusuan ibu bagi rujukan ibu-ibu muda atau ibu yang pertama kali ingin menyusukan anak. Walaupun buku ini tebal namun kerana isi kandungan, persembahan warna, gambar, jadual dan ilustrasi yang menarik mampu untuk membuat pembaca terus setia dari awal hingga ke penghujungnya.


Pengulas:

Farah Aliza Abd Aziz

Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHAMMAD JAIS, MOHD ZAMRI, DATUK DAN
CHENG, PO CEN
**Membina kekayaan dengan pengurusan kewangan
peribadi berkesan**
Kuala Lumpur : Mustread, 2013. 384ms
ISBN 978-967-0392-47-9

ULASAN

Buku ini dihasilkan oleh tiga orang yang berpengalaman di dalam bidang kewangan iaitu Datuk Dr. Hj. Mohd Zamri bin Hj. Salleh, Pakar Perunding Keusahawanan, Prof. Madya Mohammad Jais bin Atan, Pensyarah Kewangan UiTM dan Cheng Po Cen dari Persatuan Perancang Kewangan Bijak Malaysia. Buku ini merupakan satu panduan yang efektif di kalangan kita dalam mencari hala tuju pengurusan kewangan sama ada bertindak bijak atau sebaliknya serta kelemahan dan kekuatan kita dalam mengurus wang.

Buku ini terbahagi kepada empat bahagian dan mempunyai lima belas bab. Perkara utama yang dibincangkan di dalam buku ini adalah kepentingan wang dan cara pengurusan wang secara bijak. Kehidupan dahulu, sekarang dan masa hadapan adalah berbeza. Dalam dunia materialistik manusia hari ini mengejar kebahagiaan melalui harta benda dan membeli pelbagai barang serta perkhidmatan melebihi keperluan. Perkara yang menarik dibincangkan dalam buku ini ialah wang dan

kehidupan, cara pemikiran, tabiat kewangan manusia dan warisan kekayaan keluarga.

Pada zaman dahulu sistem barter digunakan untuk berdagang iaitu menukar barang untuk mendapatkan sesuatu. Zaman semakin berubah maka wang dicipta untuk digunakan sebagai medium dalam urusan perniagaan. Pada masa kini, wang semakin senang digunakan kerana proses pembelian hanya berlaku di hujung jari iaitu melalui internet. Kisah-kisah kehidupan sehari-hari manusia yang telah didedahkan dengan wang sejak dari kecil lagi turut dinukilkan di dalam buku ini.

Kepentingan jurnal kewangan turut dihuraikan di dalam buku ini. Jurnal kewangan merupakan satu instrument yang penting untuk menilai corak perbelanjaan dan bertindak sebagai video klip perbelanjaan. Pada masa yang sama, jurnal kewangan dapat mengesan sebarang kelemahan dan menambah baik kedudukan kewangan kita serta perlu dijadikan amalan berterusan. Jurnal kewangan dapat menghalang kita daripada membelanjakan wang untuk barang-barang dan perkhidmatan yang tidak diperlukan.

Cara pemikiran dapat mencipta empayar kekayaan dan membawa kita kepada dimensi baru jika kita tidak berpuas hati dengan kedudukan sekarang. Kita memerlukan pemikiran untuk mencipta empayar kewangan yang mampu memberi suntikan semangat dan keputusan kewangan yang positif.

Kemahiran dalam pengurusan kewangan amat perlu supaya kita tidak akan mengalami kesusahan pada masa akan datang akibat perkara yang tidak diduga. Ini kerana perkara luar jangka mungkin berlaku pada bila-bila masa dan ia tidak datang dengan amaran atau tanda-tanda awal. Ia memberi kesan emosi, masalah kewangan dan kemusnahan pada mereka yang terlibat. Ia datang dalam pelbagai bentuk sama ada kitaran hidup peribadi, kitaran ekonomi, kitaran semulajadi dan kitaran angkara buatan manusia.

Tabiat kewangan manusia turut dibincangkan di dalam buku ini. Dewasa ini kita cenderung menggunakan ‘wang plastik’ atau kad kredit/debit serta ada yang gemar berbelanja atas talian sahaja tanpa perlu keluar rumah. Emosi dan tabiat berbelanja

sebegini dapat mempengaruhi tingkah laku berbelanja dan mendorong kita berbelanja kepada barang-barang dan perkhidmatan yang tidak diperlukan.

Tingkah laku boros adalah perkara yang sukar ditangani. Namun demikian jika kita pandai menggunakan kuasa minda dengan sebaiknya kita berkemungkinan berjaya mengatasi masalah ini. Secara umumnya, faktor dan pengaruh ini sukar dibezakan sebagai keperluan atau kemahiran yang dicipta oleh minda kita sendiri. Seterusnya ini menyebabkan kita berbelanja dan persepsi kepercayaan terhadap apa yang diperlukan dan apa yang dimahukan.

Wang secara umumnya berkait rapat dengan semua benda pada zaman ini. Tanpa menyentuh wang secara fizikal kita masih tetap boleh membelanjakannya. Situasi ini berbeza dengan zaman dahulu yang menggunakan sistem barter iaitu tukar menukar barang. Wang juga berperanan dalam hubungan kekeluargaan. Sejak zaman dahulu masyarakat Cina telah menurunkan ilmu pewarisan kekayaan ini kepada generasi mereka. Masyarakat Cina sentiasa memastikan legasi kekayaan ini berterusan dan ada kesinambungan untuk generasi seterusnya.

Ringkasnya kita perlu memahami sikap dan tabiat berbelanja kerana dengan cara itu kita mampu membina legasi kekayaan keluarga. Kita seharusnya dapat membezakan antara keperluan sebenar, kehendak dan keinginan yang dimahukan sebelum membeli sesuatu barang atau perkhidmatan. Melalui cara ini kita akan dapat mengawal perbelanjaan dan seterusnya mencapai kebebasan kewangan mengikut acuan sendiri.

Buku ini amat mudah difahami oleh pembaca kerana penulis menerangkan dengan terperinci setiap perkara yang diketengahkan. Buku ini sesuai dibaca oleh mereka yang berminat untuk membina kekayaan dengan berkesan dan mereka yang ingin menguruskan kewangan dengan cekap khususnya golongan muda.

Pengulas:

Sofia Osman

Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



SHARIFFAH SURAYA SYED JAMALUDIN
Penjagaan kesihatan wanita : amalan tradisi dan moden

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
205ms.

ISBN 978-983-46-1412-6

ULASAN

Buku tulisan Dr. Shariffah Suraya Syed Jamaludin ini merupakan antara buku yang lahir daripada Perjanjian Persefahaman antara Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Penjagaan kesihatan merupakan aspek penting dalam kehidupan manusia, tetapi sering diabaikan dan diambil mudah. Wanita merupakan penjaga kesihatan keluarga yang utama. Kerajaan Malaysia mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh wanita dalam usaha menjaga kesihatan keluarga. Dalam pembentangan belanjawan negara, turut disediakan peruntukan untuk perbelanjaan kesihatan wanita. Fitrah semula jadi yang dilalui oleh setiap wanita menjadikan mereka pengguna utama dalam sistem penjagaan kesihatan. Fokus utama buku ini menjurus kepada penjagaan kesihatan wanita di Malaysia, khususnya wanita Melayu yang merupakan kaum utama di Malaysia. Selain itu, aspek penjagaan kesihatan wanita Cina dan India turut

dibincangkan.

Di dalam buku ini, selain memaparkan amalan budaya dalam penjagaan kesihatan wanita, pengarang turut menyentuh kesan saintifik dan perspektif agama Islam ke atas amalan penjagaan kesihatan yang dilakukan.

Tujuan utama penulisan buku ini adalah untuk memaparkan amalan penjagaan kesihatan sebagai sistem budaya yang menjadi tunjang utama dalam kehidupan masyarakat iaitu tingkah laku manusia berdasarkan kepercayaan, nilai dan norma masyarakat. Buku ini menerangkan pandangan kaum wanita di Malaysia dalam memberikan makna kepada kesihatan dan amalan penjagaan kesihatan yang dilakukan bagi mengekalkan kesihatan mereka. Pengertian sihat, penjagaan kebersihan, amalan harian dalam penjagaan kesihatan serta amalan pemakanan wanita turut dibincangkan dalam buku ini.

Kebersihan meliputi kebersihan fizikal, kebersihan rohani, kebersihan tubuh, kebersihan semasa haid dan nifas, kebersihan persekitaran, kebersihan makanan dan minuman dan kebersihan rohani. Penjagaan kebersihan kaum wanita amat dipengaruhi oleh faktor agama dan budaya. Semua agama menitikberatkan amalan kebersihan kepada pengganutnya. Islam sendiri meletakkan kebersihan kepada satu tahap yang tinggi kepada umatnya.

Masyarakat Malaysia dikatakan berada dalam keadaan peralihan daripada tradisi kepada moden. Seiring dengan perkembangan teknologi, terdapat pelbagai pilihan dalam penjagaan kesihatan wanita. Selain amalan moden yang diperaktikkan, amalan tradisional yang menjadi warisan turun-temurun tidak harus dipinggirkan. Petua dan pantang larang tradisional mengenai amalan penjagaan kesihatan wanita selain kaedah penjagaan moden turut dipaparkan dalam buku ini.

Foto-foto yang dimuatkan dalam buku ini ialah biji goji, daun kalamungay, pokok dukung anak, buah manjakani dan lempoyang. Semua gambar disenaraikan beserta nombor halaman buku bagi memudahkan pembaca merujuk kepada gambar-gambar tersebut.

Buku ini disasarkan kepada masyarakat umum, terutamanya golongan wanita, pelajar, penyelidik, ahli antropologi dan sosiologi serta mereka yang berminat untuk mengetahui amalan penjagaan kesihatan wanita. Buku ini juga boleh dijadikan sumber rujukan bagi mereka yang memerlukannya dan dimanfaatkan oleh setiap golongan masyarakat sekaligus menyumbang ke arah penjagaan kesihatan masyarakat.


Pengulas:

Rosmini Ismail

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AIN MUHAMMAD DAN SHAMSUDDIN KADIR
Projek anak luar biasa

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2013. 296ms.
ISBN 978-967-411-074-1

ULASAN

Buku ini dihasilkan oleh pasangan suami isteri, Shamsudin Kadir seorang jurulatih korporat profesional yang dikenali dan beliau juga adalah Ketua Pegawai Eksekutif di Syarikat SK Training Academy dan jurulatih profesional bertauliah yang berdaftar di bawah PSMB.

Projek mendidik anak merupakan projek paling luar biasa. Justeru, buku ini dihasilkan untuk memberi tip-tip mendidik anak menurut panduan sunnah nabi dan ajaran Islam yang sebenar. Buku ini memperkenalkan pelbagai teknik mendidik anak luar biasa seperti membenarkan anak melakukan kesilapan, sindrom anak nakal, nasihat Luqman Al-Hakim dalam mendidik anak, merangsang anak berdasarkan bakat dan skor ‘A’ di luar dewan peperiksaan yang membuatkan pembaca berfikir dan mengambil tindakan proaktif untuk mengamalkannya.

Buku ini dihasilkan daripada pemerhatian, pembacaan dan pengalaman penulis

daripada kajian pakar-pakar psikologi, pengalaman rakan-rakan, pengalaman peribadi dan pengalaman guru-guru dalam mendidik anak-anak. Misi dan visi penulis adalah kepada kaedah mendidik dan membimbing masa hadapan generasi baru dengan memperjuangkan kepentingan emosi dalam kehidupan anak-anak, agar tiada istilah ibu bapa yang merompak identiti anak-anak atau dalam erti kata lain hanya mengikuti sejarah.

Ibu bapa adalah dasar komponen terpenting dalam membentuk peribadi anak sedangkan guru-guru hanyalah alat pencetak generasi untuk segulung ijazah. Gaya komunikasi berpengaruh antara anak-anak dan guru-guru di sekolah, rakan-rakan mahupun jiran tetangga yang menjadi asas utama pembentukan peribadi anak.

Buku ini mensasarkan kepada pembaca yang bergelar ibu bapa dan pendidik. Namun amat sesuai juga kepada segenap lapisan masyarakat. Buku ini sesuai dihadiahkan kepada mereka yang bakal menjadi ibu bapa.

Penulis menggunakan gaya penulisan bercorak deskriptif dengan menyelitkan ayat-ayat yang digunakan oleh ibu bapa sewaktu berkomunikasi dengan anak-anak. Surah-surah dan kisah-kisah dalam al-Quran juga disertakan bagi menyokong idea-idea yang diutarakan. Terdapat juga kata-kata hikmah daripada orang-orang terkenal seperti Mikhail Baryshnikov, Brian Littrell dan Winston Churchill.

Secara keseluruhannya, kandungan buku ini menyelitkan contoh-contoh yang sememangnya berlaku dalam kehidupan seharian (realiti) dengan tip-tip yang praktikal dan dekat di hati pembaca. Ibu bapa sentiasa peka kepada keperluan anak-anak sama ada dari segi kasih-sayang, didikan agama mahupun keperluan seharian supaya anak yang lahir membesar menjadi anak yang luar biasa.

Pengulas:

Mahazatfetri Mahmud

Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka



ULASAN BUKU

TEGUH IMAN PERDANA
Screaming-free parenting

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2013. 114ms.
ISBN 978-967-0142-64-7

ULASAN

Anak-anak adalah anugerah dari Allah dan merupakan hasil pelaburan dunia dan akhirat. Buku ini memberi panduan kepada ibu bapa bagaimana untuk berkongsi ilmu dalam mendidik dan mencorak anak-anak ke arah keperibadian yang berkualiti, positif dan kreatif. Ia juga menceritakan pengalaman penulis dalam mendidik anak-anak tanpa jeritan, "Tidak" dan "Jangan" mahupun ancaman.

Kecemerlangan masa depan anak-anak bergantung kepada bimbingan yang diterima oleh anak-anak seawal usia dan juga dipengaruhi persekitaran. Beberapa kaedah untuk meraih hati anak-anak iaitu dengan mengucapkan rasa cinta dan penuh kasih sayang, memberi penuh perhatian, memuliakan anak, sering memberi pujian, berkongsi ekspresi semasa bercerita dan memberi peluang kepada anak-anak untuk menyampaikan perasaan tidak puas hati. Ibu bapa juga perlu memiliki sikap dan emosi yang positif, kreatif, tegas, mampu menimbul suasana keseronokan semasa berinteraksi serta

menjadi sahabat terbaik kepada anak-anak yang meningkat dewasa dan berupaya menyakinkan anak-anak melalui penjelasan yang logik. Melalui teknik-teknik ini, anak-anak akan menghormati ibu bapa dan menganggap mereka sebagai model terbaik.

Buku ini mengupas tentang mitos-mitos paradigma baharu dan lama dalam mendidik anak-anak. Perbezaan kedua-dua paradigma ini menjadi cabaran baru untuk ibu bapa pada masa kini menyedari berapa pentingnya peranan ibu bapa untuk mendidik anak-anak dengan lebih bertanggung jawab kerana anak-anak terdedah kepada persekitaran baru dan dipengaruhi dengan pelbagai teknologi canggih.

Ibu bapa perlu mengubah paradigma lama kepada baru iaitu menuju ke arah kebaikan seiring dengan pembesaran anak-anak. Paradigma lama, iaitu berpendapat zaman kanak-kanak adalah zaman remeh dan tidak penting perlulah diubah. Tugas ibu bapa adalah mempersiapkan suasana yang memungkinkan potensi-potensi yang dimiliki oleh anak supaya dapat berkembang secara optimum.

Ibu bapa perlu menggunakan bahasa kasih sayang dan pendekatan secara berdialog, tidak menggunakan kekerasan fizikal dan kata-kata yang menyakitkan, mencari waktu yang tepat untuk menegur dan tidak di hadapan orang ramai, memberi hadiah dan ucapan penghargaan, memasukkan unsur-unsur pembelajaran dalam bermain, memahami perasaan, manfaatkan teknologi komunikasi dengan menghubungi anak-anak dan menggalakkan kerja berpasukan antara ibu bapa dan anak-anak.

Buku ini amat sesuai dijadikan panduan kepada mereka yang bakal menimang cahaya mata dan ibu bapa yang masih belum terlambat mendapatkan ilmu pengetahuan untuk mendidik anak-anak dengan penuh kasih sayang, kreatif, ceria dan bebas daripada emosi negatif.


Pengulas:

Noor Aznah Zakaria

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan Tertinggi
Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



2P antara realiti & fantasi

Kulim, Kedah : Kolej Komuniti Kulim, 2013.


129ms.

ISBN 978-967-11438-1-0

Buku ini merupakan himpunan hasil penulisan pensyarah-pensyarah daripada Kolej Komuniti Kulim yang merujuk kepada Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Cetusan idea dan kreativiti pemikiran dalam penulisan ini telah memberi manfaat dalam meningkat dan memandu pembaca khususnya golongan pendidik menjadi pencetus kepada budaya P&P yang lebih cemerlang. Pendidikan bukan sahaja bertujuan menyampaikan dan menerima ilmu, tetapi ia saling berkait dengan kemampuan pelajar dalam mengembangkan ilmu tersebut secara fizik, intelektual dan emosi. Kekuatan dan motivasi diri di kalangan pendidik amat memberi kesan kepada kejayaan sesebuah institusi/sekolah di samping sokongan dari pelbagai faktor. Buku ini turut menyentuh mengenai penggunaan internet dalam P&P dalam memenuhi keperluan untuk membantu proses keberkesanan penyampaian ilmu kepada pelajar. Selain itu penulisan berkaitan teknik dan kaedah terbaik untuk memberi pujian atau teguran kepada pelajar turut dikongsi bersama pembaca serta pelbagai subjek yang berkaitan dengan pendidikan.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ADRIE NOOR AL-FATIA,
ABI NAUFAL DAN
ANDRIANSYAH
**50 misteri
menggemparkan dunia**
Batu Caves, Selangor : PTS
Millenia, 2013. 385ms.
ISBN 978-967-411-021-5

Buku ini merungkai tentang misteri dan khazanah alam yang mampu menggugah peradaban dunia seperti fenomena alam, tapak, fosil, artifak dan manuskrip kuno yang seolah-olah meninggalkan pesanan dan jejak misteri kepada generasi berikutnya untuk dikaji dan dirungkai. Ada yang sudah terungkai dan terjawab, tetapi tidak sedikit yang masih menjadi misteri sehingga ke hari ini. Faktor misteri inilah yang menimbulkan pertanyaan, polemik, perbincangan, bahkan menjadi topik perbincangan yang sengit. Pelbagai penyelidikan, kaedah ilmiah dan teknologi moden digunakan untuk menjawab peristiwa janggal dan pelik yang berlaku di alam semesta ini. Melalui buku ini, penulis berkongsi pemikiran daripada beberapa sudut pandangan yang cukup berwibawa dan dapat dipertanggungjawabkan keilmuannya. Selain daripada itu, buku ini juga dilengkapi dengan filem-filem dan foto-foto yang menakjubkan untuk menyokong perbincangan yang berkaitan.


SINOPSIS BUKU



NIK MUSTAPHA HJ. NIK
HASSAN, DATUK
**Asas memacu ekonomi
ummah : satu pandangan**
Kuala Lumpur : Penerbit
IKIM, 2013. 287 ms.
ISBN 978-983-2636-71-1

Buku ini merupakan koleksi 54 artikel yang ditulis oleh YBhg. Datuk Nik Mustapha Nik Hassan di akhbar-akhbar tempatan seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian bermula dari tahun 1993 sehingga tahun 2011. Kupasan isu-isu ekonomi umat Islam menjadi inti pati buku ini yang menyentuh isu-isu ekonomi di peringkat individu, masyarakat, organisasi dan negara berdasarkan fenomena semasa menurut kerangka ajaran Islam. Buku ini memfokuskan bukan sahaja falsafah, teori dan konsep tetapi juga memberi tumpuan dan pemerhatian dalam aspek pembangunan akhlak dan pembangunan ekonomi ummah. Perbincangan dalam buku ini turut menyentuh persoalan keadilan sosial yang menjadi asas kepada penyusunan ekonomi bernegara, budaya kerja cemerlang serta peranan zakat dan keusahawanan dalam membangun ummah.

SINOPSIS BUKU



YASMIN HUSSAIN DAN
ZAINAL ARIFFIN AB.GANI

Asas terapi muzik :
panduan dan maklumat menguruskan sesi terapi
Ampang, Selangor : Pekan Ilmu Publications, 2013.
150 ms.

ISBN 978-967-584-173-6

Buku Asas Terapi Muzik yang ditulis oleh Yasmin Hussain dan Zainal Ariffin Ab.Gani membincangkan mengenai kehebatan muzik dalam kehidupan manusia. Muzik merupakan salah satu terapi yang dapat memberi ketenangan dan keseronokan kepada penggemarnya. Ia bagus untuk mengatasi tekanan dan amat sesuai digunakan bagi mencungkil bakat dan gaya kreativiti seseorang terutamanya, kanak-kanak. Muzik yang mudah didengari membuatkan kanak-kanak berasa seronok dan mereka dapat menghabiskan waktu terluang dengan melakukan aktiviti terapi muzik. Selain itu, perkembangan fizikal, emosi, dan fikiran kanak-kanak dapat berkembang secara kritis dan kreatif. Buku ini bersesuaian untuk setiap peringkat umur kanak-kanak. Ia juga boleh digunakan untuk kanak-kanak berkeperluan khas bagi proses pembelajaran mereka di dalam dan luar bilik darjah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



H.M.TUAH ISKANDAR
Bikin sama dia
Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf (Alaf 21), 2013.
320ms.
ISBN 978-983-124-911-6

Manusia jangan sesekali rasa bongkak dengan apa yang ada pada diri sama ada kekayaan, pengaruh, darjat atau pangkat kerana semua itu tidak menjamin kehidupan yang lebih baik di alam akhirat nanti. Bersyukurlah dengan apa yang kita ada walaupun di mata orang lain kita tidak sempurna. Yang penting, sejauh mana kita berusaha untuk membina kehidupan yang lebih baik. Apakah hidup kita lebih bermakna dengan kekayaan harta sekalipun terpaksa berhutang keliling pinggang? Unsur lelucon dicampur dengan olahan ayat yang menggunakan perkataan yang mencuit hati, diselitkan dengan rangkapan pantun nasihat dan mengusik jiwa pembaca yang adakalanya terkena batang hidung sendiri. Walaupun tidak menggunakan bahasa penulisan yang formal tetapi masih mengekalkan intipati motivasi. Mengambil secebis ungkapan dari buku ini iaitu "...di ruangan buku yang sempit, tetapi luas menyembunyikan lautan ilmu". Ianya menggambarkan betapa buku ini mengandungi ilmu yang cukup banyak untuk dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang membaca. Motivasi dan nasihat serta panduan yang akan membuat anda sentiasa tersenyum semasa dan selepas membaca.

SINOPSIS BUKU



AKHIAR PARDI DAN
SHAMSINA SHAMSUDDIN
**Bimbining dan kaunseling
kanak-kanak**
Kuala Lumpur : Freemind
Horizons, 2013. 208ms.
ISBN 978-967-11591-4-9

Buku ini ditulis untuk membantu guru, khususnya guru-guru yang berminat untuk membantu murid melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, agar mereka dapat mencapai tahap perkembangan yang optima. Memang bukan mudah untuk seseorang guru memberi bantuan kepada murid-murid tanpa dirinya mempunyai pengetahuan dan kemahiran bimbingan seperti mendengar, melayan, merancang dan mempengaruhi lebih-lebih lagi untuk berperanan sebagai kaunselor klinikal di sekolah. Namun begitu, tanggungjawab sebagai seorang guru tidak membolehkan kita lari daripada membantu dan membimbing murid khususnya mereka yang menghadapi masalah yang telah lama terpendam dan tidak pernah dikendalikan. Maka, terhasilnya buku ini adalah diharapkan dapat membolehkan pembaca khususnya guru meneroka, memahami, mengaplikasikan dan menilai tentang peranan mereka selaku agen pembentuk kemanusiaan. Buku ini menepati proforma Kursus Bimbingan dan Kaunseling yang disediakan untuk bakal guru yang sedang belajar di Institut Pendidikan Tinggi Tempatan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



NORAIEN MANSOR,
NOOR ROHANA MANSOR
NOR NORMALIZA ABD.

RAHIM


**Dialek Melayu
Terengganu Pesisir
Pantai**

Kuala Terengganu,
Terengganu : Penerbit
UMT, Universiti Malaysia
Terengganu, 2013. 56ms.
ISBN 978-967-0524-27-6

Penulisan ilmiah ini bertujuan bagi menyampaikan hasil kajian ilmiah berhubung keunikan dialek Melayu Terengganu pesisir pantai khususnya daripada kepupusan. Dialek Melayu Terengganu yang dituturkan oleh penutur negeri Terengganu yang berada di lokasi geografi Pantai Timur Semenanjung Malaysia turut mempunyai pelbagai subdialek daerah tempatan mengikut daerah dan mukim tertentu. Dialek Terengganu dikatakan sangat unik dan mempunyai perbezaan dari segi fonologi, sintaksis, morfologi dan leksikal yang berbeza dengan dialek Melayu standard. Penerbitan ilmiah sebegini ternyata memberi banyak manfaat kepada masyarakat dan ruang kepada mereka untuk mengenali dengan lebih mendalam berkaitan bahasa yang digunakan melalui sebutan dan ejaan di samping dapat mempelajari dialek Terengganu serta memahami masyarakat itu sendiri. Tegasnya pendokumentasian khazanah warisan Melayu Terengganu ini akan dapat mengangkat martabat serta memperkasakan keunikan negeri Terengganu khususnya, malah menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai keunikan dan keistimewaan tersendiri dengan kepelbagaiannya bangsa, bahasa dan budaya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




HAMIZUL ABDUL HAMID
Diari seorang amil : zakat mengubah diri

Petaling Jaya : Galeri Ilmu,
2013. 317ms.

ISBN 978-983-097-411-8

AMIL, bukan calang-calang jawatan. Sebuah jawatan yang diberikan Allah SWT kepada golongan tertentu, yang tidak diberikan kepada semua orang. Bayangkan, sesungguhnya jawatan ini tidak pernah terlintas sedikit pun pada fikiran penulis, namun akhirnya menjadi kenyataan. Beliau sentiasa siaga menggalas tugas sebagai amil dan tetap setia kepada-Nya hingga ajal menjemput. Beliau dilahirkan di Lenggong, Perak, pada 10 September 1974. Berkelulusan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Malaya dalam sijil pengajian Syariah dan Diploma Pengajian Syariah. Eksekutif Komunikasi Korporat di Lembaga Zakat Selangor ini seringkali dijemput menjadi imam dan khatib di seluruh masjid sekitar Selangor, serta panel dan penceramah khusus berkaitan zakat kepada kakitangan agensi kerajaan dan swasta. Beliau turut aktif bergiat dalam dunia penulisan khususnya berkaitan zakat.

SINOPSIS BUKU



Buku ini memberi pengenalan asas dan kit pemula kepada bahan rujukan dalam bidang pengajian Kejuruteraan Perisian. Mencakupi aspek pengaturcaraan, asas kejuruteraan perisian, rangkaian dan komunikasi data, seni bina dan organisasi komputer dan yang berkaitan dengan komputer. Ianya diatur berpandukan kepada kurikulum pengajian bidang sains komputer selaras dengan kurikulum pengkomputeran oleh ACM/IEEE. Buku ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat, pelajar dari pelbagai peringkat, golongan ilmuan serta kepada mereka yang ingin mengenali sains komputer kerana buku ini diolah menggunakan ayat yang mudah difahami.

NORAIDA HAJI ALI,
SUMASLY SULAIMAN DAN
ROMAYATI MOHEMAD
**Eksplorasi ilmu
kejuruteraan perisian**
Kuala Terengganu : Penerbit
UMT, Universiti Malaysia
Terengganu, 2013. 111ms.
ISBN 978-967-0524-23-8

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



WAN ASMA' WAN ABU
BAKAR DAN SARIRAH
CHE ROS
**Hak dan tanggungjawab
penjagaan kanak-kanak**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
166ms.
ISBN 978-983-46-1235-1

Buku ini membincangkan mengenai undang-undang kanak-kanak. Ia melihat dari dua aspek syariah dan undang-undang sivil. Ia juga membicarakan persoalan dan peruntukan undang-undang berkaitan hak dan penjagaan terhadap kanak-kanak Islam dan bukan Islam di Malaysia. Kedudukan kanak-kanak yang berbeza taraf dan kedudukan memberikan implikasi yang berbeza dari sudut penjagaan, nafkah, perwalian dan juga perwarisan. Buku ini turut menyentuh persoalan mengapa konsep nasab atau keturunan sangat dipentingkan dalam Islam. Buku ini mengupas dan membincangkan dengan terperinci semua hak yang perlu ada pada seseorang kanak-kanak di samping mengutarakan isu-isu yang berkaitan. Malah tanggungjawab ibu bapa atau penjaga terhadap anak-anak di bawah jagaan mereka turut disentuh. Buku ini sesuai dijadikan bahan rujukan yang lengkap berkaitan dengan hak kanak-kanak dalam undang-undang syariah dan sivil.

SINOPSIS BUKU




KHAIRUDDIN HJ.
KAMARUDDIN
Hutan Hujan Tropika
Semenanjung Malaysia
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
334ms.
ISBN 978-983-46-0838-5

Bersesuaian dengan pengalaman bertugas di FRIM lebih daripada 30 tahun, penulis memperkatakan tentang kepentingan hutan dalam aspek kehidupan. Pemeliharaan hutan yang efektif akan dapat menyumbang kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan manusia. Kepekaan serta rasa tanggungjawab masyarakat dan kerajaan terhadap pemuliharaan hutan dan ekosistem semula jadi seharusnya turut dipertingkatkan. Selaras dengan hasrat itu, penerbitan ini dihasilkan bertujuan untuk memaparkan suatu pengenalan terhadap alam tumbuh-tumbuhan hutan, selain dapat memberikan pengetahuan mengenai hutan hujan tropika khususnya di Semenanjung Malaysia. Hutan bukan sekadar khazanah sumber alam yang perlu dipelihara dan dinikmati masyarakat. Kekayaan hutan dan kepelbagaiannya spesis flora dan fauna yang terdapat di dalamnya turut menyumbangkan hasil dan keluaran untuk keperluan masyarakat. Sumber hutan yang banyak dan berpotensi sewajarnya dipelajari, dimanfaatkan dan dimajukan di samping usaha-usaha memelihara dan penjagaannya yang berterusan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




RAZALI OTHMAN
Institusi wakaf : sejarah dan amalan masa kini
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013,
195ms.
ISBN 978-983-46-1398-3

Institusi wakaf yang berkait rapat dengan sistem sosioekonomi yang bertunjangkan tasawwur Islam telah memainkan peranan yang cukup penting seiring dengan perkembangan tamadun Islam. Buku ini menjelaskan pelbagai perkara yang berkaitan dengan wakaf bermula dari takrif, rukun, klasifikasi harta wakaf, sejarah dan asal usul serta apakah peranan dan sumbangan institusi wakaf. Wakaf telah diterima dan menjadi satu sistem kehidupan yang sangat penting, sekaligus memainkan peranannya sebagai sumber pembiayaan yang sangat hebat seiring dengan sejarah ketamadunan manusia. Penjajahan barat telah cuba menghakis peranan wakaf walaupun institusi wakaf berfungsi sejak lebih seribu tahun lalu dengan menyempitkan fahaman sistem ini daripada minda ummah melalui perancangan yang cukup teratur seperti mengubah dasar perundangan, pendidikan, membatal dan merampas harta-harta wakaf di negara-negara Islam yang dijajah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




SYAHRUDDIN EL-FIKRI
**Jejak ketamadunan
dalam al-Quran**
Kajang, Selangor : Humaira
Bookstore Enterprise,
2013. 317ms.
ISBN 978-967-11989-1-9

Al-Quran adalah firman Allah SWT, yakni sebuah kitab suci yang luar biasa dan tiada sebarang keraguan yang boleh dipertikaikan. Di dalamnya terkandung pelbagai kisah dan hikmah yang boleh dijadikan pengajaran dan petunjuk bagi umat manusia. Buku ini menceritakan pelbagai sejarah ketamadunan yang tercatat di dalam al-Quran. Pelbagai ciri-ciri menarik mengenai ketamadunan terdahulu dipaparkan beserta bukti-bukti arkeologi dan kedudukan geografi berlakunya kejadian. Semangat perjuangan dakwah Rasul dan Nabi pada masa dahulu dalam memperkembangkan syiar Islam turut disentuh untuk tatapan para pembaca. Kini setelah ribuan tahun, apa yang disampaikan al-Quran telah terbukti kebenarannya. Para ahli arkeologi mahu pun saintis telah berjaya menemukan pelbagai bukti jejak peninggalan umat-umat terdahulu. Kesimpulannya, petikan dari Surah Yusuf ini wajar kita renungi bersama “*Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.*” (Surah Yusuf: 109-111).

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



HARON DIN, DATO',
MOKHTAR KASSAN DAN
AZIZAN RAMLY
**Kaedah merawat santau :
ketahui cara merawatinya,
langkah demi langkah**
Batu Caves, Selangor : PTS
Islamika, 2013. 111ms.
ISBN 978-967-366-200-5

Santau adalah amalan sihir yang sering menghantui masyarakat, khususnya masyarakat Melayu di Malaysia. Santau adalah satu daripada cabang sihir yang dapat memberikan kesan kepada jasmani dan rohani mangsa. Buku ini bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada masyarakat berkenaan hakikat penyakit santau. Kaedah rawatan yang dipaparkan dalam buku ini adalah kaedah rawatan sebenar, termasuklah cara mengeluarkan santau serta penggunaan herba bagi merawat penyakit berkaitan santau. Buku ini disusun dengan bahasa yang mudah, supaya tidak hanya tertumpu kepada para pelajar perubatan Islam sahaja, tetapi juga mudah difahami oleh masyarakat awam yang berminat bagi mengetahui berkenaan santau. Buku ini terhasil berdasarkan ilmu dan pengalaman penulis dalam merawat penyakit-penyakit yang disebabkan oleh santau sejak tahun 1980-an.

SINOPSIS BUKU



**HASHIM FAUZY YAACOB
Kedudukan orang Melayu
Sarawak di bawah
penjajahan British 1946-
1963**


Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
248ms.

ISBN 978-983-46-0871-2

Sarawak mengalami beberapa peringkat penjajahan yang banyak meninggalkan kesan politik dan sosioekonomi kepada rakyatnya. Peringkat pertama penjajahan berlaku apabila Sarawak diambil daripada Kesultanan Brunei oleh Brooke, kemudian Jepun merampas wilayah ini daripada pemerintahan Brooke, iaitu dari tahun 1941 hingga tahun 1945. Tamat Perang Dunia Kedua, Brooke telah membuat rundingan untuk menyerahkan Sarawak kepada British. Pada tahun 1946, Sarawak telah diserahkan kepada kerajaan British. Orang Melayu merupakan golongan ketiga terbesar di Sarawak ketika zaman pemerintahan Brooke mendapat kedudukan yang istimewa dari segi pentadbiran dan ekonomi, namun kedudukan itu hilang ketika British mengambil alih Sarawak kerana dasar British yang mengamalkan sistem *laissez-faire* yang berasaskan keuntungan semata-mata. Keadaan sosioekonomi orang Melayu Sarawak pada tahun 1946 sehingga tahun 1963 agak mundur berbanding kaum lain. Faktor ekonomi dan pendidikan merupakan dua faktor yang bertimbang balik yang menjadi sebab orang Melayu lemah. Dalam aspek politik pula, orang Melayu bergerak paling aktif untuk mencapai matlamat politik dan mempertahankan hak berbanding dengan kaum peribumi yang lain.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



WAN HASMAH WAN
MAMAT DAN NUR
MUNIRAH TEOH
ABDULLAH


Kemahiran berfikir kritis dan kreatif

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
118ms.
ISBN 978-983-46-1218-4

Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) amat sinonim dalam dunia pendidikan sama ada di kalangan pendidik di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan juga pengajian tinggi. Kemahiran berfikir merupakan satu proses menggunakan minda untuk mencari makna, memahami sesuatu perkara, atau mencari jawapan bagi persoalan yang belum terjawab. Aktiviti dalam KBKK akan mewujudkan proses interaksi dan komunikasi antara guru dengan pelajar berlaku dengan baik dan berkesan. Kaedah ini amat sesuai untuk diaplikasikan oleh setiap guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kerana bukan sahaja dapat menjana idea pelajar secara tersusun dan sistematik, tetapi dapat menggalakkan pelajar menggunakan minda untuk berfikir secara lebih kritis dan kreatif dalam membuat penilaian dan menyelesaikan sesuatu masalah. Tidak dinafikan kaedah ini banyak memberi manfaat kepada guru dan pelajar, maka wajarlah kaedah ini menjadi pilihan yang tepat bagi seseorang guru untuk mengaplikasikannya semasa proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



KAMARULZAMAN
SULAIMAN
**Konsep dan kaedah al-
Rahnu di Malaysia**
Shah Alam : Penerbit
Universiti Teknologi MARA,
2013. 156ms.
ISBN 978-967-363-215-2

Buku ini membincangkan satu daripada aspek muamalat Islam yang diguna pakai dalam institusi Bank Rakyat iaitu skim al-Rahnu. Amalan al-Rahnu atau pajak gadai Islam yang halal tanpa riba' ini merupakan satu skim yang popular yang bersumberkan khazanah Islam semasa dan menjadi satu-satunya alternatif kepada pajak gadai konvensional yang menjadi amalan masyarakat kini. Buku ini bukan sahaja membincangkan tentang kaedah yang dilaksanakan di institusi kewangan Islam tetapi lebih menekankan soal keterlibatan masyarakat Islam dan persoalan riba yang menjadi teras kepada pajak gadai konvensional di samping itu juga, Akta Pajak Gadai 1972 yang tidak sedikit pun menyentuh soal dan kaedah al-Rahnu yang diamalkan sekarang. Perbincangan dalam buku ini juga berkaitan dengan strategi skim al-Rahnu di Malaysia yang kini telah menembusi taraf hidup masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana, yang memberi kesan secara langsung kepada masyarakat Melayu khasnya dan masyarakat Malaysia amnya.

SINOPSIS BUKU




FAUZIAH HASSAN
Manis-manis coklat
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors,
2013. 82ms.
ISBN 978-967-61-2651-1

Kelebihan coklat bukan sekadar rasanya yang enak tetapi kaya dengan protein, zat besi, mineral dan vitamin. Bertindak sebagai bahan antioksida yang boleh mengurangkan risiko penyakit jantung, mengurangkan tekanan dan melambatkan penuaan. Buku ini memuatkan 40 resepi berdasarkan coklat yang patut dicuba. Ia pasti dapat memberikan sedikit kelainan bagi merasai nikmat rasa coklat yang sebenar. Pengarang buku ini mempunyai minat yang mendalam dalam bidang masakan membuatkan beliau sanggup meluangkan masa mengikuti kelas-kelas masakan di beberapa pusat masakan. Beliau juga pernah diberi tanggungjawab memulakan penerbitan majalah 'Saji' di samping diberi kesempatan mengisi ruangan 'Sentuhan Rasa' pada setiap bulan. Semoga buku ini dapat memberi manfaat dan menambahkan koleksi resepi di rumah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Memartabatkan bangsa berkemahiran melalui pertandingan

Putrajaya : Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, 2013. 128ms
ISBN 978-967-0572-65-9

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) merupakan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia sebagai badan penyelaras pembangunan kemahiran di Malaysia. Seiring dengan visi Malaysia menuju wawasan 2020, hasrat untuk meningkatkan kepakaran tenaga kerja yang inovatif dan mahir dalam memandu tenaga muda telah mengilhamkan pihak kerajaan untuk memperkenalkan pelbagai program pembangunan kemahiran. Buku ini disusun untuk menghidangkan kepada para pembaca maklumat yang terdapat dalam khazanah JPK berkenaan pertandingan kemahiran yang memfokuskan kepada aspek sejarah, pengurusan dan pencapaian para peserta dalam pelbagai peringkat pertandingan sehingga kini. Salah satu pertandingan iaitu Pertandingan MySkills merupakan suatu pertandingan untuk menguji tahap kompetensi tenaga pengajar. Pengisian buku ini boleh mencetuskan idea di peringkat sekolah dalam melahirkan pelajar yang berkemahiran dan sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

SINOPSIS BUKU




OMAR MOHD. HASHIM,
DATUK HAJI
**Menongkah gelombang
pendidikan**

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
823ms.
ISBN 978-983-46-0846-0

Sebuah buku autobiografi Tan Sri Haji Omar Mohd. Hashim, seorang tokoh pendidik dua zaman yang penuh dengan gelora dan cabaran: zaman sebelum merdeka (penjajahan British dan Jepun) dan zaman selepas merdeka. Buku ini merakamkan pengalaman beliau yang terlibat secara langsung dalam perkembangan pendidikan sebagai pelajar sekolah ketika zaman sebelum merdeka dan menjadi guru seterusnya diangkat sebagai tokoh pendidikan selepas zaman merdeka. Dalam semua aspek perkembangan dua era ini, beliau bergiat aktif dalam apa sahaja yang dilakukannya, dan seorang pemerhati yang tajam terhadap apa-apa sahaja yang berlaku di sekelilingnya. Beliau juga seorang pencatat yang rajin. Catatannya diadun dan ditulis semula menjadi sebuah autobiografi yang menarik.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Pemikiran dan kesarjanaan Mohd. Zamberi Abdul Malek
Tanjung Malim, Perak :
Penerbit Mentari, 2013.
322ms.
ISBN 978-967-0626-01-7

Buku ini menghimpunkan koleksi eseи dan kajian penulisan berkenaan Mohd. Zamberi Abdul Malek, seorang sejarawan Perak yang aktif dalam penghasilan dan penerbitan buku-buku tokoh sejarah tanah air, buku-buku ilmiah, buku-buku sejarah dan sebagainya. Memuatkan juga koleksi kertas kerja Seminar Pemikiran dan Kesarjanaan Mohd. Zamberi Abdul Malek yang diadakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak pada 20 Oktober 2012 yang mengupas hampir keseluruhan buku-buku sejarah dan buku-buku tokoh Melayu terkenal karya Mohd. Zamberi Abdul Malek yang diterbitkan oleh pelbagai penerbit di Malaysia. Di samping itu menonjolkan ketokohan sejarawan Mohd. Zamberi Abdul Malek sebagai intelektual, sarjana dan pemikir negeri Perak yang sewajarnya diangkat kepada umum agar mereka dapat menghargai sumbangan dan jasa pemikirannya ketika hayatnya masih ada. Turut dimuatkan di dalam buku ini ialah tulisan-tulisan beliau yang telah tersiar di media cetak tempatan.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



FARIDAH NAZIR, NORHIZA MOHD SALLEH DAN ZAIRINAH MOHD SHUKUR
Perkembangan kanak-kanak
Puchong, Selangor :
Penerbitan Multimedia,
2014. 203 ms.
ISBN 978-967-374-287-5

Buku ini membincangkan tentang topik perkembangan kanak-kanak daripada pelbagai aspek psikologi. Buku ini akan dapat membantu perkongsian maklumat tentang peringkat dan proses perkembangan kanak-kanak dari sudut fizikal, kognitif, sosioekonomi, kendiri dan aplikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran. Buku ini mengandungi sebanyak 7 bab yang merangkumi pelbagai topik yang merangkumi proses perkembangan kanak-kanak dari sudut fitrah kejadian manusia menurut perspektif agama dan biologi, faktor yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, prinsip asas perkembangan, peringkat perkembangan serta teori yang berkaitan, implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran serta ciri-ciri kanak-kanak berkeperluan khas. Buku ini sesuai sebagai rujukan oleh golongan pelajar serta pendidik dalam mendalami ilmu berkenaan kanak-kanak serta perkembangannya.

SINOPSIS BUKU



WAN HASMAH WAN
MAMAT DAN NOR
MUNIRAH TEOH
ABDULLAH

Permainan dan simulasi


Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2013.
86ms.

ISBN 978-983-46-1221-4

Buku ini bertujuan untuk melihat dan membincangkan kesesuaian permainan simulasi dalam bilik darjah. Ia juga bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor keberkesanan permainan dan simulasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berfokus kepada kemahiran interpersonal. Aktiviti-aktiviti permainan dan simulasi didapati membantu meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis para pelajar. Suasana begini bukan sahaja dapat meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran yang dipelajari, malah dapat menyerlahkan bakat dan potensi diri mengikut kebolehan dan kemampuan sendiri. Selain itu, aktiviti yang disarankan dalam pembelajaran juga akan menjadikan suasana pembelajaran dalam bilik darjah lebih ceria. Buku ini bukan sahaja dapat membimbing guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajar, tetapi juga berkeyakinan untuk meneroka pelbagai aktiviti yang disarankan bagi meningkatkan penguasaan pedagogi guru.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



**Perspektif masyarakat dan budaya Sarawak :
Perspectives on Sarawak society and culture**
Kota Samarahan, Sarawak :
Universiti Malaysia Sarawak, 2013. 197ms.
ISBN 978-967-5418-25-9

Kandungan buku ini adalah sumbangan daripada fello Institut Pengajian Asia Timur terdahulu dan sekarang khususnya tentang masyarakat dan budaya Sarawak sempena meraikan Ulang Tahun ke-20 kelahiran Universiti Malaysia Sarawak pada tahun 2012. Minat sarjana antarabangsa untuk menjalankan penyelidikan tentang Sarawak dan juga Borneo, walaupun tidak ramai memadai untuk menjadi landasan kukuh kesarjanaan bagi Sarawak. Mereka menganalisis beberapa perspektif untuk mengenali dan mendalami masyarakat dan budaya penduduk negeri Sarawak khususnya dan dunia nusantara amnya. Bentuk penulisan buku ini merangkumi tradisi lisan, kajian manuskrip, perubahan sosial, kependudukan, politik dan ekonomi berdasarkan teori dan konsep berkaitan. Penerbitan buku ini diharap dapat menyumbang kepada pengetahuan kita tentang masyarakat dan budaya Sarawak.

SINOPSIS BUKU




ROZNINAH ABD. AZIB
Prof Dr Muhaya : sejernih sinar matamu
Kajang, Selangor : As-Sohwah Publication, 2013.
333ms.
ISBN 978-967-0466-057

Buku ini menceritakan tentang biografi inspirasi Profesor Dr. Muhaya Hj. Mohamad, seorang pakar mata dan pengasas ‘Reset Minda’. Pembaca berpeluang menyusuri kehidupan Prof. Dr. Muhaya sejak zaman kecilnya, mengikuti zaman remajanya sehingga zaman berumahtangganya dan akhirnya ke usia dewasa. Pembaca juga akan mendapat tip bagaimana mencari kecemerlangan dalam hidup, melalui konsep ‘Reset Minda’ yang diperkenalkan oleh beliau. Melalui konsep ‘Reset Minda’, Prof. Dr. Muhaya menekankan perihal pentingnya kita berfikiran positif dan berimajinasi tentang masa hadapan kita. Kuncinya ialah menjaga minda bawah sedar dan sentiasa berbaik sangka terhadap Allah. Penghasilan buku ini juga diharap dapat membantu lebih ramai orang untuk memahami dan mengaplikasikan konsep ‘Reset Minda’ agar dapat menjadikan kehidupan mereka lebih baik dan terus positif.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Sains & teknologi di alam melayu : hidup bersendikan sains, sains bersendikan syarak
Bangi, Selangor : Universiti Kebangsaan Malaysia,
2013. 404ms.
ISBN 978-983-2457-58-9

Buku ini terhasil daripada himpunan kertas kerja yang telah dibentangkan Persidangan Sains dan Teknologi di Alam Melayu yang diadakan di Universitas Yasri, Jakarta, Indonesia dengan kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM, Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), Badan Pengkajian dan Penerapan Teknologi (BPPT) dan Dewan Riset Nasional (DRN). Perbincangan ini amat luas untuk dicatatkan yang meliputi setiap bidang kehidupan orang Melayu. Pun begitu, di manakah sains dan teknologi alam Melayu itu? Lihat di sekeliling kita. Perhatikan kubah masjid Melayu lama, binaan rumah Melayu (dari pelbagai negeri), tudung saji, pantun Melayu, dinding kelarai, motif bunga atau buah pada pakaian, alat muzik Melayu, ukiran tangga, pintu dan tingkap rumah Melayu serta binaan perahu. Ini merupakan sebahagian contoh kewujudan sains dan teknologi di alam Melayu. Kesemua perbincangan ini membuktikan bahawa sains dan teknologi di alam Melayu terbina sejak kewujudan kerajaan Melayu lama lagi. Keupayaan orang Melayu menjadikan alam sebagai guru menunjukkan bagaimana eratnya hubungan perkembangan sains dan teknologi dengan alam sekeliling dalam membina tamadun.

SINOPSIS BUKU




RINALDI, JOHN
Sembuhkan penyakit anak mengikut cara Rasulullah s.a.w
batu Caves, Selangor : Al-Hidayah House of Publishers, 2013. 357ms.
ISBN 978-967-026-845-3

Anak adalah dambaan jiwa belahan jantung. Hadirnya menjadi pengubat duka, tawanya adalah pencetus bahagia dan tangisnya pula mengundang kasih sayang. Namun bagaimakah perasaan anda jika anak kesayangan anda sakit? Prinsip utama pengubatan yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w ialah memanfaatkan ubat-ubatan alamiah, llahiah, dan gabungan dari kedua-duanya. Baginda lebih suka memanfaatkan segala ciptaan Allah s.w.t yang telah tersedia di muka bumi ini yang sifatnya semulajadi. Melalui petunjuk Allah kepadanya, Rasulullah S.A.W mengetahui jenis tumbuhan dan haiwan yang sesuai digunakan sebagai ubat bagi jenis penyakit tertentu. Buku ini berisi penjelasan dan petunjuk Rasulullah S.A.W dalam menyembuhkan pelbagai jenis penyakit terutama berkaitan dengan kesihatan kanak-kanak. Buku ini akan menjelaskan kepada anda bagaimana suatu penyakit muncul pada anak, tandanya kemunculannya, jenis penyakit dan ciri-cirinya, cara pencegahan dan cara mengatasinya. Pada bahagian akhir pembaca juga akan menjumpai kelebihan lainnya seperti daftar buah-buahan berkhasiat ubat, resepi tradisional berserta cara membuatnya dan cara atau ruqyah yang digunakan Rasulullah S.A.W untuk mengubati penyakit yang tidak boleh disembuhkan dengan pengubatan biasa, ia sangat lengkap dan mujarab.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



SHAHРИMAN ZAINAL ABIDIN, MOHAMAD HARIRI ABDULLAH DAN ZAIDI YUSOFF
Seni reka perindustrian daripada idea kepada lakaran
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.137ms.
ISBN 9789834616564

Buku rujukan yang mudah difahami ini memberikan panduan kepada pembaca tentang visual ke dalam bentuk lakaran seni reka perindustrian. Pembaca juga boleh mengetahui kaedah lakaran kasar menggunakan penanda (marker). Penanda merupakan bahan yang selalu digunakan dalam amalan membuat lakaran kerana cepat kering dan mudah digunakan. Cara penggunaan bahan tersebut diterangkan dari mula hingga akhir berserta contoh lakaran. Buku ini menekankan teori, elemen dan prinsip asas serta peraturan lakaran reka bentuk dengan penulisan. Contoh ilustrasi banyak dipaparkan supaya semua penerangan dapat difahami dan diusahakan oleh pembaca khususnya program seni reka perindustrian, ahli akademik, penyelidik, pereka bentuk amatir mahupun pereka profesional yang berkhidmat dalam sektor industri. Karya ini dihasilkan atas keperluan memperbanyak bahan rujukan dalam bahasa Melayu mengenai seni reka perindustrian. Garapan tentang proses reka bentuk dikemukakan daripada proses memformulasikan idea kepada proses perkembangan idea sehinggalah peringkat persembahan sesebuah reka bentuk.

SINOPSIS BUKU




SOENARWO,
H.BRILIANTONO M. DAN
AMIN, KH MUHAMMAD
RUSLI

**Sihat holistik cara
Rasulullah s.a.w**

Batu Caves, Selangor : Al-
Hidayah House of
Publishers, 2013. 359ms.
ISBN 978-967-489-050-6

Sihat holistik membawa maksud gaya hidup sihat secara menyeluruh yang merangkumi gaya hidup yang seimbang antara akal (intelektual), jiwa (emosi), dan roh (rohani) yang melahirkan ketenangan zahir dan batin. Melalui buku ini penulis mengajak pembaca mengamalkan gaya hidup amalan Rasulullah S.A.W yang menyeluruh dan amat sesuai dijadikan panduan dan teladan oleh manusia moden atau sesiapa sahaja yang mahu hidup sihat secara holistik. Dari pelbagai sudut kehidupan baginda begitu sempurna dengan petunjuk daripada Allah S.W.T. Baginda mempraktikkan gaya hidup sihat dan seimbang di mana pola dan gaya hidup Rasulullah S.A.W melampaui zamannya dan sebagai teladan akhlak mulia bagi seluruh manusia sejagat. Justeru, yakinilah dengan meneladani pola dan gaya hidup baginda, kita akan memperolehi kemuliaan di dunia dan akhirat.

SINOPSIS BUKU




SITI AISYAH SAAT
Sustainability of solid waste management in Malaysia
Kuala Terengganu :
Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu,
2013. 149p.
ISBN 978-967-0524-24-5

This book addresses the evolution, nature and appropriateness of the national waste management system in Malaysia in terms of its capability to meet sustainability goals. Solid waste management is described as "a subject that deals with the control of generation, storage, collection, transfer and transport, processing and disposal of the waste in a manner that is in accord with the best principles of public health, economics, engineering, aesthetics and other environmental considerations and that is also responsive to the public attitudes". It does this by adopting the concept of ecological modernization as a reference for analysing the policy and institutional structures that control waste management and sustainability policy. For effective waste management and economic growth there is need for assessment of not just waste quantities and composition but also the flow of resources and waste through the joint economic and environment systems.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ZAINUDIN HAJI MEON
Tanaman hiasan dalam landskap heliconia dan halia

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
144ms.
ISBN 978-983-46-1405-8

Malaysia mempunyai iklim dan cuaca yang kondusif untuk pelbagai jenis tumbuhan. Iklim tropika ini membolehkan tanaman hidup sepanjang tahun. Sinaran matahari yang banyak dan taburan hujan yang tinggi membolehkan tanaman heliconia boleh hidup dengan subur. Tanaman heliconia dan tumbuhan halia hiasan mudah dijumpai di dalam taman landskap di negara kita. Walaupun heliconia bukanlah tanaman hiasan asal di Malaysia, tetapi ia telah lama dipopularkan sebagai hiasan landskap. Berasal dari hutan tropika Amerika, Asia dan Kepulauan Pasifik. Terdapat lebih 500 spesis heliconia yang ada di seluruh dunia. 98 peratus daripadanya terdapat di tropika Amerika dan di Asia Tenggara hanya terdapat 150 spesis. Ciri-ciri menarik pada tanaman ini seperti warna bunga, bentuk pokok dan daun dapat memberikan kesan estetika sesuatu kawasan landskap. Buku ini mengandungi perihal kedua-dua kelompok tanaman ini dari jenis, kegunaannya dalam pelandscapean, morfologi dan pembiakan. Buku ini turut mendedahkan kaedah penanaman dan penjagaan termasuk potensi dan cabaran.

SINOPSIS BUKU




Ukuran pembangunan : pendekatan kapitalis dan Islami

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
131ms.

ISBN 978-983-46-1390-7

Ukuran pembangunan negara bukan setakat dari segi pertumbuhan ekonomi fizikal semata-mata tetapi turut melihat kedudukan ukuran pembangunan berteraskan Islam. Komponen pembangunan perlu merangkumi aspek tasawur Islam dan pengurusan insaniah. Usaha untuk membina ukuran pembangunan berteraskan Islam telah pun dilakukan sama ada pada peringkat nasional mahupun peringkat antarabangsa. Tiga komponen utama yang digunakan dalam pengukuran tersebut ialah pertumbuhan ekonomi, kesaksamaan dalam pengagihan pendapatan serta pengamalan nilai Islam sama ada daripada sudut undang-undang, pendidikan, pentadbiran awam dan sistem kewangan. Komponen ini penting bagi membolehkan negara Islam dapat bersaing dengan negara-negara maju yang majoritinya dari Barat.

SINOPSIS BUKU



ANIZON HUSSIN
Variasi hijab : 50 gaya
hijab

Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf (Alaf 21), 2013.
160ms.

ISBN 978-983-124-8458-4

Buku ini merupakan naskhah istimewa yang memuatkan pelbagai gaya ikatan hijab untuk muslimah moden yang prihatin dengan penampilan diri. Pemakaian hijab yang ditampilkan adalah sesuai untuk dipakai di majlis-majlis rasmi atau majlis kasual. Melalui buku ini, pembaca boleh meniru pelbagai ikatan mudah tetapi mampu menampilkan gaya muslimah yang sopan dan menarik tanpa mendedahkan aurat. Gaya ikatan yang pebagai menjadikan pemakainya kelihatan cantik, menawan, anggun dan yakin melalui ikatan selendang dari pelbagai fabrik, tudung empat segi, tanpa perlu banyak kerongsang, jarum peniti dan lilitan. Setiap stail yang ditampilkan disertakan dengan langkah demi langkah yang mudah dan jelas untuk digayakan bersama aksesori yang menambahkan kemanisan wajah.